

13/06/1998

Dr M rasmi penutupan kejohanan badminton

KUANTAN, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini, petang ini, merasmikan penutupan Kejohanan Badminton Piala Perdana ke-13 di Kompleks Sukan Pahang (Sukpa).

Beliau turut menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam kejohanan berkenaan.

Pasukan Badan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Sabah (Bakisa) muncul juara dengan menewaskan pasukan Badan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) dalam pertandingan akhir.

Johan tahun lalu, pasukan Badan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Selangor (Balkis) mendapat tempat ketiga.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Timbalannya, Datuk Hasan Arifin, beberapa Menteri Besar dan Menteri Kabinet.

Dalam ucapan penutupannya, Dr Mahathir berkata, langkah menganjurkan kejohanan itu boleh merapatkan perhubungan sesama isteri wakil rakyat, malah mereka dapat mengenali antara satu sama lain.

Sempena lawatannya ke Pahang, beliau akan merasmikan kilang Pahang Cement Sdn Bhd yang bernilai RM700 juta di Bukit Sagu, dekat sini, pagi esok.

(END)